



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (60) 03/07

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ANGKATAN
TENTERA MALAYSIA DALAM PROGRAM PEDULI VETERAN
DI NEGERI PULAU PINANG**

PULAU PINANG, 8 Jul 23 - YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan hari ini telah melaksanakan Program Peduli Veteran (PPV) di negeri Pulau Pinang yang turut diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM), YBrs Encik Sophian Isswandy bin Ismail.

Dalam program PPV kali ini, YB Adly telah menyantuni veteran-veteran ATM di sekitar negeri Pulau Pinang. Program ini merupakan salah satu manifestasi Kementerian Pertahanan dalam memastikan agenda kebajikan Veteran ATM dan tanggungannya sentiasa diutamakan. PPV yang dilaksanakan ini merangkumi lawatan kebajikan ke atas veteran ATM yang mengalami sakit kritikal dan mengunjungi usahawan veteran ATM yang berjaya di dalam bidang usahawan yang diceburi. Selain bertanya khabar, turut diselitkan penyampaian sumbangan sagu hati dan bakul makanan kepada veteran yang diziarahi serta penyampaian *plaque* penghargaan kepada usahawan yang dilawati .

Lawatan YB Timbalan Menteri Pertahanan kali ini dimulai dengan mengunjungi veteran ATM asnaf tidak berpendapatan di alamat TBP 5721 Bagan Belat, Teluk Air Tawar, Butterworth iaitu Encik Syed Yasin bin Syed Noong berusia 75 tahun. Veteran menghidap penyakit darah tinggi dan kencing manis merupakan seorang bekas tentera berpangkat Koperal. Veteran hanya mempunyai pendapatan sebanyak RM 200.00 sebulan hasil sumbangan daripada anaknya dan terpaksa membayar sewa rumahnya berjumlah RM 350.00 sebulan. Veteran mempunyai tujuh (7) orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Che Liah binti Ismail yang berusia 66 tahun. Veteran telah disyorkan sebagai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berjumlah RM 300.00 sebulan.

Seterusnya, lawatan YB Timbalan Menteri Pertahanan diteruskan dengan mengunjungi veteran ATM asnaf tidak berpendapatan yang kedua di alamat 345 Pokok Sena, Kepala Batas iaitu Encik Khalid bin Yusof berusia 68 tahun. Veteran menghidap penyakit jantung dan darah rendah merupakan seorang bekas tentera berpangkat Laskar Udara Kanan. Veteran hanya mempunyai pendapatan pencen Jabatan Kerja Raya (JKR) sebanyak RM 928.63 sebulan, dimana veteran bekerja di JKR selepas berhenti menjadi anggota ATM pada 15 April 1985. Veteran mempunyai enam (6) orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Ramlah binti Omar yang berusia 61 tahun. Veteran telah disyorkan sebagai penerima BSH berjumlah RM 300.00 sebulan.

YB Timbalan Menteri Pertahanan kemudiannya meluangkan masa mengunjungi usahawan veteran ATM berpencen, Encik Ahmad Fadli bin Ariffin berusia 55 tahun di Restoran Bafana, Jalan Dagangan 2, Kepala Batas. Veteran merupakan seorang bekas anggota tentera berpangkat Flait Sarjan, kini merupakan usahawan restoran *Bafana Cafe and Bistro*. Veteran mempunyai 3 orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Rohaya binti Ismail yang berusia 53 tahun dan turut sama membantu mengusahakan perniagaan suaminya.

Lawatan YB Timbalan Menteri Pertahanan diakhiri dengan sesi dialog bersama enam belas (16) Persatuan Veteran ATM negeri Pulau Pinang di restoran *Bafana Cafe and Bistro*. Pada majlis tersebut, YB Timbalan Menteri Pertahanan juga tidak ketinggalan menyerahkan sumbangan 500 kotak Rahmah kepada Persatuan Veteran ATM negeri Pulau Pinang untuk diagihkan kepada veteran ATM.

PPV adalah merupakan antara inisiatif madani Kementerian Pertahanan dalam merealisasikan pelaksanaan dan halatuju Kertas Putih Pertahanan (KPP). PPV akan memastikan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan Veteran ATM terhadap keamanan dan keselamatan negara. Melalui program ini, lebih ramai Veteran ATM yang terkesan dapat disantuni bagi mendengar sebarang luahan mereka secara bersemuka. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang tercicir daripada menerima insentif yang disediakan.

Sebarang pertanyaan berkaitan lawatan boleh hubungi Pegawai Staf 2 Media (Udara), Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan Malaysia, Mejar Ezrie Haniff bin Yussoff TUDM di talian 017-254 0477 atau Timbalan Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV, Encik Muhammad Izzat Siraj bin Mohd Iyas Zainal Ravi di talian 017-965 3755.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

8 Jul 2023